

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JULAI 2020
AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE
MUKA SURAT :

Isu pengangguran pulih akhir tahun ini - PM



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersidang pada Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. foto FAREEZ FADZIL, 13 JULAI 2020

KUALA LUMPUR – Pasaran buruh dijangka mulai pulih pada akhir tahun ini berikutan langkah kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang membolehkan operasi perniagaan dibuka sepenuhnya pada 10 Jun lalu,

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin berkata, dalam usaha menangani kadar pengangguran yang semakin meningkat, kerajaan telah memperuntukkan hampir RM15 bilion melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk dapat membantu hampir 3.3 juta rakyat yang terkesan dengan Covid-19. Antara inisiatif tersebut adalah seperti Program Subsidi Upah, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.

Selain itu, kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi sedang dalam proses penyediaan pelan pemulihan ekonomi bagi jangka panjang dan akan dibentangkan pada bulan Oktober 2020.

Antara lain, ia akan memberi tumpuan kepada penambahbaikan dalam pasaran buruh, reformasi institusi awam dan kerangka urus tadbir serta pelaksanaan pendigitalan dan Revolusi Perindustrian Keempat.

Di samping itu, tambah Muhyiddin, pelbagai langkah yang akan diperkenalkan dalam Bajet 2021 pada 6 November 2020, kerajaan juga sedang merangka pelbagai dasar dan strategi khusus untuk menstruktur dan mengukuhkan semula ekonomi serta menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 yang akan dibentangkan awal tahun 2021.

Muhyiddin berkata, penguncutan pertumbuhan ekonomi pada suku kedua dijangka lebih ketara selepas ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 0.7% pada suku pertama tahun 2020 akibat kesan pandemik Covid-19.

Bank Negara Malaysia mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2020 pada kadar antara -2% hingga 0.5%.

Unjuran ini mengambil kira kesan daripada permintaan global yang lemah, gangguan rantaian bekalan dan langkah kawalan COVID-19 pada peringkat global dan domestik. – MalaysiaGazette

Sumber : <https://malaysiagazette.com/2020/07/13/isu-pengangguran-pulih-akhir-tahun-ini-pm/>